



## NOTIS MENGENAI SKIM UFUN

Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin menarik perhatian orang ramai terhadap beberapa laporan mengenai skim UFUN yang dilaporkan media baru-baru ini.

Di Thailand, serbuan dan tangkapan ke atas pegawai-pegawai eksekutif UFUN di Thailand baru-baru ini di atas tuduhan menjalankan skim pyramid dan pembersihan wang haram telah dilaporkan. Di Malaysia, UFUN telah disenaraikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai syarikat yang tidak diberikan kebenaran atau kelulusan oleh BNM dalam memberikan perkhidmatan kewangan atau menjual produk kewangan.


AMBD ingin menasihatkan orang ramai supaya hanya berurusan dengan individu atau institusi yang dilesenkan oleh AMBD dalam mendapatkan perkhidmatan atau produk kewangan.

Senarai individu atau institusi yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapati melalui:

- Laman web AMBD <http://www.ambd.gov.bn/regulatory/financial-institutions-directory>;
- Risalah bercetak senarai institusi-institusi yang dilesen oleh AMBD di kaunter-kaunter AMBD; atau
- AMBD App yang boleh dimuat turun melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android secara percuma atau mengimbas kod QR seperti di bawah.



Bagi pengguna iPhone



Bagi pengguna Android

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi pihak AMBD di talian 2388388 atau emel [info@ambd.gov.bn](mailto:info@ambd.gov.bn)

Rujukan:

<http://www.bangkokpost.com/news/general/536043/ufun-may-have-cheated-victims-of-b38bn-in-thailand>

<http://www.bangkokpost.com/news/general/563595/ufun-investigation-goes-international>

<http://www.bangkokpost.com/news/crime/583829/police-press-for-tougher-ufun-charges>

<http://www.straitstimes.com/news/business/more-business-stories/story/ufun-scheme-under-scrutiny-after-arrests-thailand-20150527>

[http://www.bnm.gov.my/documents/2015/20150519\\_FCA\\_BM.pdf](http://www.bnm.gov.my/documents/2015/20150519_FCA_BM.pdf)